

Pada 28 Ogos 2014, Lembaga Pengarah Maybank (“Lembaga Pengarah”) telah mengisytiharkan dividen tunai interim satu peringkat (*single-tier interim cash dividend*) sebanyak RM0.24 bagi setiap saham biasa Maybank bernilai RM1.00 sesaham (“Saham Maybank”) bagi tahun kewangan akan berakhir 31 Disember 2014 (“Dividen Tunai Interim”). Lembaga Pengarah juga telah memutuskan bahawa DRP akan diguna pakai bagi pembayaran Dividen Tunai Interim di mana bahagian boleh pilih sebanyak RM0.20 bagi setiap Saham Maybank yang dipegang (“Bahagian Boleh Pilih”) boleh dilaburkan semula ke dalam Saham Maybank baru dan bahagian selebihnya sebanyak RM0.04 bagi setiap Saham Maybank yang dipegang akan dibayar secara tunai.

Setiap pemegang saham yang layak mempunyai pilihan-pilihan berikut terhadap Bahagian Boleh Pilih:

- Memilih untuk menerima kesemua Bahagian Boleh Pilih dalam tunai; atau
- Memilih untuk melabur semula kesemua Bahagian Boleh Pilih ke dalam Saham Maybank baru yang dikreditkan sebagai berbayar penuh pada harga terbitan sebanyak RM9.30 bagi setiap Saham Maybank baru, yang telah ditetapkan pada 12 September 2014; atau
- Memilih untuk melabur semula sebahagian daripada Bahagian Boleh Pilih ke dalam Saham Maybank baru yang dikreditkan sebagai berbayar penuh pada harga terbitan sebanyak RM9.30 bagi setiap Saham Maybank baru, yang telah ditetapkan pada 12 September 2014 dan menerima bahagian selebihnya daripada Bahagian Boleh Pilih dalam tunai.

Sekiranya anda adalah pemegang saham kami yang layak, sila ambil perhatian terhadap tarikh-tarikh berikut:

**Tarikh dan masa akhir untuk menyerahkan Borang : Rabu, 15 Oktober 2014 pada jam 5.00 petang, atau Pelaburan Semula Dividen** sebarang tarikh dan masa yang mungkin dilanjutkan oleh Lembaga Pengarah berdasarkan budi bicara mutlak mereka

**Peruntukan dan terbitan Saham-saham Maybank : Selasa, 28 Oktober 2014** baru serta pembayaran dividen tunai kepada pemegang saham yang layak

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan berhubung DRP, anda boleh menghubungi Pendaftar bagi DRP di Aras 17, The Gardens North Tower, Mid Valley City, Lingkaran Syed Putra, 59200 Kuala Lumpur (nombor telefon: +603-2264 3883) atau e-mel kepada [is.enquiry@my.tricorglobal.com](mailto:is.enquiry@my.tricorglobal.com).

Penasihat bagi DRP

**Maybank**  
**Investment Bank**

**Maybank Investment Bank Berhad (15938-4)**  
(Sebuah Organisasi Bursa Malaysia Securities Berhad yang Mengambil Bahagian)